


*Kumpulan Cerita Rakyat Hasil Peraduan Menulis dan
Mengisahkan Semula Cerita Rakyat Sabah 2009*

Aduk Sabulig dan Si Tarunggari



Penyelenggara
Norjanah Yusof
Noorzanani Haji Kata
Cliff Akid Kamijan Abdullah

ADUK SABULIG DAN SI TARUNGARI

DIOLAH SEMULA OLEH AL FAZLI MOHD. SALLEH

PADA suatu ketika dahulu, Tarunggari seekor buaya putih amat terkenal di Sungai Kinabatangan. Suku kaum Sungai percaya dengan kewujudannya walaupun mereka tidak pernah bertemu dengan raja buaya itu sebelum ini. Tapi mereka percaya akan kewujudannya melalui cerita dan kisah yang disampaikan turun-temurun oleh nenek moyang mereka. Tarunggari mempunyai hubungan yang baik dan istimewa dengan masyarakat Sungai disebabkan satu peristiwa yang berlaku di antara keduanya.

Masyarakat suku kaum Sungai dikenali sebagai 'Orang Sungai' kerana kehidupan dan perkampungan mereka terletak di sepanjang pinggir sungai. Segala aktiviti harian mereka sentiasa berkait rapat dengan sungai sebagai laluan perhubungan dan sumber mencari rezeki.

I

Pada suatu pagi, seorang anak kampung, Aduk Sabulig seperti biasa berdayung ke hulu memeriksa pancingnya menaiki perahu buatan tangannya itu. Perut perahunya lengkap dengan beberapa peralatan seperti tempuling, *rambat*, parang, *sesaban*, pisau, umpan cacing serta beberapa peralatan memasak yang lain. Itulah kerja sehariannya.

Perahu merupakan rumah keduanya. Aduk Sabulig sentiasa membawa bersama-sama tongkat kesayangannya yang

diperbuat daripada gabungan kayu tas jantan betina itu. Anak muda berumur awal 30-an ini terkenal budi bahasa yang baik dan kerajinannya mencari ikan di sungai. Muda-muda lagi sudah digelar 'tukang ikan' di kampungnya.

Pagi itu, seperti biasa satu persatu pancing yang dipasangnya di tepi sungai diperiksa. Hampir 20 mata kail semuanya. Selain itu, ada 30 mata kail dipasang di tali *rawainya* yang merentangi sungai. Kalau pancingnya mengena pasti ikan besar yang akan diperoleh dari dasar sungai itu. Kadang-kadang ikan baung, ikan tapa atau ikan *bongkoq*'. Tetapi selalunya ikan *luwoat* atau ikan *lawang* mudah diperoleh. Kalau bernasib baik dapatlah ikan *tamaing*, itu sudah kira cukup lumayan.

Kalau pancing-pancing yang dipasangnya di tepi sungai pula, biasanya ikan *lontong*, ikan *salan* atau ikan *lalao* (belut) pula yang mengena. Kalau ikan jenis itu, dilepaskannya sahaja kembali ke sungai, tiada siapa yang mahu membelinya. Tapi kalau dapat ikan *limpata* atau ikan *pigas*... hah! itu diambilnya. Sedap! Ramai pembeli menggemarnya.

Begitulah rutin Si Aduk Sabulig setiap hari. Kalau hujung tahun pula, semasa air sungai banjir. Dia akan pergi *mematau*. *Mematau* ialah kegemarannya. Menunggu pancing sambil berhanyut-hanyut. Setiap kali *mematau* lebih 50 *patau* yang dihanyutkannya. Sekiranya arus sungai terlalu deras, sedikit sahaja *patau* dilepaskannya agar mudah di pantau, tetapi kalau arus deras sebaliknya pula.

Hari ini, dia tidak *mematau*. Pada fikirannya, hujan yang begitu lebat semalam belum cukup untuk membuatkan Sungai Kinabatangan banjir. Lagi pun hujan turun bukan di hulu sungai. Semalaman hujan lebat disambut dengan ribut petir. Tapi nasib baiklah air tidak naik. Kalau naik habislah pancing-pancingnya dibawa arus deras. Suasana hari itu masih kelihatan mendung. Angin sejuk pagi itu masih terasa, menusuk hingga ke tulang. Kabus nipis masih menutupi permukaan sungai. Suara monyet *bankatan* bising di atas pokok melompat dari satu dahan ke dahan yang lain. Aduk Sabulig terus berdayung

dari satu pancing ke pancing yang lain. Jarak pancingnyanya tidak jauh, setengah rantai sahaja antara satu sama lain. Namun sejak tadi, satu ekor ikan pun belum ada yang mengena di pancingnya. Tinggal beberapa lagi mata pancingnya yang belum diperiksa.

Tidak jauh di hulu, kelihatan ada sebatang pokok kayu yang tumbang rebah ke sungai. Sejak tadi dia memerhatikan pokok itu, macam ada yang tidak kena. Seingatnya pokok kayu itu tidak tumbang semalam. Masih tegak berdiri di tepi sungai. Cuma pokok itu kelihatan agak layu. Mungkin pangkalnya reput dimakan serangga atau tanahnya tidak kuat.

“Mungkin tumbang semalam, semasa hujan lebat,” katanya di dalam hati.

Semakin lama semakin hampir dia berdayung ke pokok itu. Kelihatan seperti ada yang bergerak-gerak seperti libasan ekor ikan tapa yang besar. Tapi pancingnya bukan di situ. Aduk Sabulig berdayung laju sedikit menuju ke sana. Tidak sabar rasanya dia ingin tahu. Manalah tahu pancingnya tersangkut di situ dibawa oleh ikan.

“Ikan apa pula itu? Belum pernah aku melihat pergerakan seperti itu,” kata Aduk Sabulig di dalam hati penuh tanda tanya. Semakin hampir, semakin curiga rasanya. Jelas sekali raut wajahnya begitu risau.

Bila semakin dekat ke pokok itu, dia terkejut besar. Ternyata bukan seekor ikan tetapi seekor buaya yang besar tersepit di celah pokok. Ada pukut buruk terbelit di badannya. Buaya itu kelihatan agak kelemasan. Cepat-cepat Aduk Sabulig *menguir* dayungnya mundur ke belakang, takut terlibas ekor buaya yang besar itu. Lantas dia menabak hujung perahunya ke tepi sungai jauh sedikit dari tempat tadi, agak keras tanahnya di situ. Kemudian dia turun untuk mengikat tali perahunya pada pemegang dayung yang dipacaknya ke lumpur. Ada sesuatu yang agak luar biasa pada buaya itu. Buaya itu tidak kelihatan seperti buaya yang biasa dilihatnya iaitu agak kehitaman, tetapi yang ini putih seluruh badannya.

Aduk Sabulig berjalan jauh sedikit dari gigi air. Dia memilih tanah yang keras sedikit untuk berpijak. Tangan kirinya erat memegang tongkat kayu tas dan parang barung di tangan kanan. Perlahan-lahan dia menghampiri tempat itu. Dia ingin tahu dan mahu melihat lebih dekat lagi keadaan buaya itu. Tiada maksud lain, sekadar melihat buaya berkulit putih itu. Lain daripada yang lain. Belum pernah seumur hidupnya melihat buaya berbadan putih begini.

Kayu tas dan parang masih kemas dipegang erat, manalah tahu perkara yang tidak diingini boleh berlaku. Menurut kepercayaan orang tua-tua, mana-mana binatang buas yang terkena pukulan kayu tas akan menjadi lemah, walaupun dengan pukulan yang tidak kuat. Asalkan kayu tas itu terkena badannya, pasti binatang itu akan kelemasan. Aduk Sabulig percaya dan sudah terbukti kesahihannya. Dia pernah bertembung dengan ular hitam sebesar batang pinang dahulu, dan ia berkesan. Selain itu, di perahunya juga ada daun hidup mati (pokok semalu), itu juga petua untuk menjauhkan diri daripada bahaya buaya. Dengan sedikit jampi serapah, buaya akan lemas, sebagaimana daun hidup mati itu menguncup. Banyak lagi petua orang-tua-tua yang masih dipegangnya.

Kelihatan buaya putih itu letih dan kelemasan, ada beberapa kesan luka di kulit keras belakangnya. Lukanya besar jauh ke dalam, bercampur lumpur dan kelodak tanah. Rasanya sudah semalaman buaya itu di sana. Buaya itu kelihatan tersembunyi sedikit kerana ditutupi dengan pukuk buruk yang membelit sebahagian badan buaya itu. Hanya sebahagian sahaja badannya yang kelihatan. Sesekali hujung ekornya bergerak lemas. Aduk Sabulig kemudiannya mengambil keputusan balik ke perahunya untuk menyambung kerjanya.

Sebaik sahaja kakinya mula mengorak melangkah meninggalkan tempat itu, kedengaran suara meminta tolong dari arah buaya itu.

“Tolong... tolong... Aduk Sabulig..., tolonglah aku! Aku kesakitan,” kedengaran suara dari buaya itu merayu, dan mengerang kesakitan.

Terkejut Aduk Sabulig. Dia terus berpaling ke belakang, memandang tepat ke arah suara itu datang. Memang sah suara itu datang dari arah buaya itu. Berdiri bulu roma di tengkuknya. Dia terkejut bagaimana buaya itu boleh berkata-kata dan bagaimana buaya itu tahu namanya. Tercegat Aduk Sabulig di situ, tidak beranjak dari tempatnya berdiri seolah-olah dipukau....

“Tolonglah... Tolong selamatkan aku. Aku tidak akan mengapa-apakan kau....” Sekali lagi buaya itu merayu di sebalik rumpunan daun-daun kayu yang hampir layu itu.

Aduk Sabulig tidak berganjak dari tempatnya berdiri. Terkunci rasanya kakinya. Dia memandang tajam mata buaya putih itu. Mukanya pucat seperti baru tersampuk hantu. Mulutnya berkumat-kamit membaca kalimah suci apa saja yang terlintas di fikirannya.

Aduk Sabulig masih tidak menjawab. Dia menenangkan perasaannya. Perlahan-lahan dia menarik nafas, menenteramkan perasaannya.

Dia memberanikan diri dan bertanya.

“Err... Siapa kau? Bagaimana engkau boleh bercakap.” katanya separuh menggeletar.

“Tolonglah aku... tolonglah aku... Aduk Sabulig... kasihanilah aku.... Aku luka,” rayu buaya putih itu semakin lemah tanpa menjawab soalan Aduk Sabulig.

“Silap-silap *Poncongot* barangkali buaya ini,” terlintas difikirannya sambil melangkah dengan berhati-hati berjalan menghampiri tebing sungai. Dia mengintai-intai melihat kedudukan buaya itu. Tangan kanannya masih kemas memegang barung, lebih bersedia berbanding sebelum itu. Apabila diamatinya, hanya kepala buaya itu yang timbul dan tersangkut di dahan. Entah mengapa, tiba-tiba timbul rasa kasihan di hati Aduk Sabulig melihat buaya itu. Kalau diamatinya tadi, mustahil buaya yang cedera teruk seperti ‘nyawa-nyawa ikan ini masih berdaya memahaminya. Lagipun buaya ini ganjil betul, sudahlah berbadan putih, pandai pula berkata-kata.

belukar ini kepada tempat yang boleh menyara hidup penduduk kampung,” sambung orang tua itu lagi.

“Kita harus membuat seberapa banyak batas untuk memulakan penanaman padi,” sambung orang tua itu lagi. Semua penduduk kampung sebulat suara bersetuju dengan rancangan ketua kampung tersebut.

“Tetapi ingat, jangan tebang pokok nibung dan pokok mengarris itu,” kata orang tua itu sambil menuding ke arah pokok-pokok itu. Penduduk kampung pun mula bergotong-royang menebang kayu dan membersihkan belukar itu. Tidak lama kemudian kawasan itu sudah menjadi terang-benderang dan penduduk kampung mula mencangkul tanah untuk membuat batas-batas padi.

Orang tua itu sangat gembira melihat batas-batas yang sudah siap dan mengarahkan penduduk kampung mula menanam benih-benih padi. Penduduk kampung sangat berpuas hati melihat hasil tanaman mereka yang tumbuh hijau dah subur.

“Tidak lama lagi, padi ini akan mula menguning dan kita bakal mendapat hasil yang lumayan,” kata orang tua itu kepada penduduk kampungnya. Penduduk kampung pula tidak sabar untuk menuai hasil pertama mereka.

Hari berlalu dan kehijauan padi bertukar menjadi kuning keemasan, tidak lama lagi musim menuai akan tiba. Apabila tiba musim menuai, sekali lagi mereka beramai-ramai bergotong-royong menuai padi. Dengan penuh keriangannya mereka mengerjakan penuaian padi sehingga habis. Mereka sangat gembira kerana hasil padi begitu banyak sekali, lebih daripada cukup untuk menjadi makanan mereka sepanjang tahun.

Mereka membahagikan padi itu kepada seluruh penduduk kampung. Walau bagaimanapun padi itu masih banyak lagi dan mereka menjadi kebingungan kerana mereka tiada tempat untuk menyimpan lebihan padi yang begitu menggunung banyaknya.

“Macam mana ni ketua kampung, di mana kita nak simpan selebihnya ini? tanya orang-orang kampung kepada orang tua

itu. Orang kampung sudah mula gelisah kerana tidak mendapat jalan yang terbaik untuk menyimpan lebihan padi yang banyak itu. Mereka semakin bising dan tidak berhenti-henti mendesak orang tua itu mencari jalan bagaimana dan di mana tempat menyimpan padi tersebut.

“Jangan risau, biar aku urus masalah ini,” jawab orang tua itu menjernihkan keadaan yang mula keruh itu. Dengan menggunakan kuasa sakti yang ada padanya, dia menuding ke arah pokok nibung dan mengarris itu. Dengan sekelip mata, semua padi masuk ke dalam pokok nibung dan mengarris itu. Penduduk kampung menarik nafas lega dan berterima kasih kepada orang tua itu atas kebijaksanaannya.

Orang tua itu terus menjadi penyimpan dan penjaga padi itu. Dia sentiasa memastikan pembahagian hasil padi itu adil dan saksama. Lama-kelamaan, ada penduduk kampung yang mula mencurigai keadilan dan kejujuran orang tua itu. Mereka mula menjadi tamak dan menyebarkan cerita palsu tentang kejujuran orang tua itu.

Maka terjadilah perbalahan dan persengketaan dalam kampung tersebut. Kampung itu sudah bertukar menjadi huru-hara dan penduduknya sering bertengkar, tuduh-menuduh dan tidak percaya kepada kepimpinan orang tua tersebut.

“Kamu tahukah, orang tua itu tidak ikhlas, dia tidak adil dalam pembahagian hasil yang kita cari bersama-sama,” kata salah seorang penduduk kampung yang tamak dan menyebarkan cerita rekaan untuk memburukkan nama orang tua itu.

Orang tua itu sangat sedih kerana penduduk kampung mencemuh dan meragui kejujurannya. Dia terpaksa berhadapan dengan seluruh penduduk kampung yang seluruhnya sudah termakan fitnah dan tidak percaya kepadanya lagi.

“Kami mahu melihat padi itu!” jerit salah seorang daripada penduduk kampung tersebut.

“Kau telah menipu kami!” Berbagai-bagai cemuhan diterima oleh orang tua itu dan dia begitu sedih sekali.

“Jangan paksa aku untuk menunjukkan kesemua simpanan padi itu, nanti kamu akan menyesal,” kata orang tua itu. Namun penduduk kampung terus mendesak. Mereka tidak mahu mendengar kata-kata orang tua itu.

“Kamu akan menyesal dan akan menerima musibah kalau kamu mendesak aku untuk melakukan perkara ini,” kata orang tua itu, menasihati penduduk kampungnya.

“Kami tidak percaya kepada kau!”

“Mungkin padi itu sudah habis!”

“Mungkin kau berbohong dan menipu kami!” Bermacam-macam tohmahan dan tuduhan dilemparkan kepadanya.

“Kami mahu melihat padi itu. Kami mahu melihat kau membahagikannya dengan adil!” Tidak berhenti-henti penduduk kampung itu mendesaknya untuk mengeluarkan padi dari pohon pokok nibung dan pokok mengarris itu.

“Aku akan menggunakan kuasa sakti aku lagi untuk mengeluarkan padi-padi dalam pokok-pokok itu,” kata orang tua itu.

“Dan kita tidak dapat menyimpannya kembali dalam pokok itu nanti setelah dikeluarkan,” kata orang tua itu. Namun penduduk kampung tidak percaya kepadanya. Mereka seperti dirasuk syaitan dan terus mendesak orang tua itu mengeluarkan semua simpanan padi dari dalam pokok nibung dan pokok mengarris itu. Atas desakan bertalu-talu dan jeritan marah penduduk kampung kepadanya, orang tua itu mengalah dan terus berdiri di hadapan semua penduduk kampung.

Dengan penuh kemarahan kerana penduduk kampung meragui kejujurannya, orang tua itu melontarkan tombaknya ke arah pokok nibung dan pokok mengarris. Pokok itu terbelah dan menumpahkan padi-padi yang menguning keemasan. Padi memenuhi seluruh ruang kosong di hadapan semua penduduk kampung.

Semua penduduk kampung terganga melihat begitu banyak padi yang keluar dari kedua-dua pokok tersebut. Mereka menyesali tindakan mereka yang meragui dan mencabar orang tua itu.

“Maafkan kami kerana meragui kejujuranmu,” kata seluruh penduduk kampung tersebut. Tetapi semua perbuatan mereka tidak dapat dimaafkan lagi. Oleh kerana tamak haloba dan menuduh orang tua itu tidak adil, mereka semua menanggung kerugian.

“Aku tidak dapat menolong kamu menyimpan padi ini lagi, kerana kesaktian aku hanya boleh digunakankan sekali saja dan sekarang aku sudah tidak dapat menyimpan padi-padi ini kembali,” kata orang tua itu dengan sedih. Penduduk kampung meminta maaf dan terus merayu kepadanya supaya memaafkan perbuatan mereka.

“Oleh kerana kamu meragui kejujuran dan kepimpinanku, aku akan menyumpah kamu semua!” bentak orang tua itu sambil mengangkat tangan dan menyumpah seluruh penduduk kampungnya.

“Generasi kamu akan mendapat susah dan senasib dengan pokok pisang, bila pokok pisang yang telah tua mati, anak-anak pisang terpaksa menyara hidup sendiri,” kata orang tua itu dengan garangnya.

“Generasi kamu akan bersusah payah mencari rezeki dari hari ini hinggalah akhir zaman ini!” sumpah orang tua itu kepada seluruh penduduk kampung tersebut.

“Janganlah kami disumpah seteruk itu Tok Ketua, biarlah generasi kami seperti bulan, bila bulan mengambang penuh menghilang diri, keluarlah anak bulan menjadi pengganti,” kata penduduk kampung memohon belas kasihan daripada orang tua itu.

Dengan sumpahan itu, penduduk kampung terpaksa bekerja keras dan mereka terus merayu kepada orang tua itu untuk meringankan sumpahannya. Mereka terpaksa menerima padah akibat perbuatan mereka yang telah meragui kejujuran orang tua itu. Selama itu mereka tidak pernah bersusah payah untuk membanting tulang mencari rezeki kerana padi dalam simpanan orang tua itu tidak pernah habis. Namun akibat perbuatan mereka, mereka terpaksa bekerja keras untuk mencari nafkah.

Akibat sumpahan orang tua itu, hingga sekarang masyarakat kampung terpaksa bertungkus lumus untuk mencari nafkah.

(Sumber Cerita Rakyat: Suku kaum Murut)

*Aduk Sabulig dan Si
Tarunggari* merupakan Kumpulan
Cerita Rakyat Hasil Peraduan
Menulis dan Mengisahkan
Semula Cerita Rakyat Sabah 2009.

Buku ini menghimpunkan 10
buah cerita rakyat suku kaum
Kimaragang, Kadazandusun, Sungai,
Murut dan Rungus. Cerita dalam buku
ini mempunyai unsur nasihat dan
teladan yang menitikberatkan
pembalasan terhadap perbuatan
baik dan jahat. Selain
menghiburkan, cerita ini juga
memberikan pendidikan moral
terutamanya kepada golongan
remaja. Secara tidak langsung
buku ini juga memperkenalkan
cerita rakyat Sabah
kepada pembaca.